

AMALAN WAKAF BERTEMPOH DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

Wan Abdul Rahim Wan Abd Azizⁱ & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidiiⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

ⁱⁱ (*Corresponding author*) Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Wakaf muaqqat atau wakaf bertempoh berpotensi menjadi instrumen penting dalam memperluas manfaat wakaf kepada masyarakat Malaysia, khususnya dalam sektor pendidikan, kesihatan, dan kebajikan sosial. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa konsep ini masih kurang diterokai, menyebabkan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan dan penerimaannya di peringkat nasional. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui metode kajian kepustakaan dan pemerhatian untuk mengkaji secara mendalam isu-isu yang berkaitan, seperti kekangan perundangan, kekeliruan pemahaman masyarakat, serta ketidakseragaman dalam pengurusan. Analisis data yang dilakukan menggunakan kaedah induktif dan deduktif mendedahkan bahawa cabaran utama terletak pada kelemahan rangka kerja dasar, kurangnya pendidikan awal tentang konsep wakaf bertempoh, dan keperluan untuk mekanisme pemantauan yang lebih efektif. Untuk menangani cabaran ini, kajian mengemukakan beberapa cadangan praktikal, termasuk penyelarasan perundangan, pengukuhan kerjasama antara institusi wakaf dan badan kerajaan, serta inisiatif pendidikan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat. Di samping itu, model pengurusan wakaf bertempoh yang lebih inovatif dan mampan dicadangkan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih sistematik dan efektif. Penemuan kajian ini diharapkan dapat membuka ruang perbincangan yang lebih mendalam mengenai potensi wakaf bertempoh sebagai instrumen pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia, sekaligus menyumbang kepada usaha memperkasakan sistem wakaf di peringkat nasional.

Kata Kunci: *Wakaf Bertempoh, Cabaran Pelaksanaan, Malaysia.*

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan instrumen ekonomi Islam yang telah lama memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam bermula dari zaman Rasulullah sehingga masa kini. Melalui wakaf, harta disumbangkan untuk kepentingan umum dan manfaatnya dijangka berpanjangan, terutama dalam sektor seperti pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur (Kahf, 1998). Menurut Abdul Hamid Yunus (1980), wakaf merupakan satu instrumen ekonomi yang mengintegrasikan elemen kerohanian dan kebendaan sebagai satu institusi pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan penting kepada masyarakat Islam khususnya. Ini dapat

dilihat dengan kewujudan institusi berasaskan wakaf seperti universiti al- Azhar di Mesir, Jami' al-Qawariyyin di Maghribi yang juga universiti tertua di dunia, institusi kesihatan dan pasar di Turkiye dan pelbagai lagi yang menjadi bukti jelas betapa sistem wakaf ini mampu membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam (Ichsan, 2018).

Wakaf bertempoh adalah di mana aset diwakafkan untuk tempoh tertentu sahaja, dan manfaatnya diberikan dalam tempoh yang ditetapkan. Setelah tamat tempoh, harta tersebut boleh dikembalikan kepada pewakaf atau dialihkan kepada kegunaan lain (Ab Rahman & Amanullah, 2017b). Wakaf bertempoh telah termaktub dalam enakmen beberapa buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Sarawak, Johor dan Terengganu (Muhammad Khalil et al., 2020). Pendekatan ini dilihat sebagai solusi yang dapat meningkatkan sumbangan masyarakat dalam wakaf, terutamanya dalam kalangan pewakaf yang mungkin mempunyai kekangan harta atau ingin melihat manfaat wakaf dalam jangka masa pendek.

Namun, meskipun wakaf bertempoh mempunyai kelebihan yang fleksibel, pelaksanaannya di Malaysia masih berdepan dengan pelbagai cabaran pengaplikasiannya iaitu antaranya kekangan perundangan, kefahaman masyarakat dan beberapa lagi yang akan dibincangkan (Alnaief et al., 2024). Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis cabaran-cabaran ini dengan memberikan gambaran yang komprehensif tentang halangan dan potensi penyelesaian dalam pelaksanaan wakaf bertempoh di Malaysia. Diharapkan, dengan adanya pemahaman yang lebih jelas dan pengurusan yang berkesan, wakaf bertempoh dapat berkembang sebagai instrumen penting dalam pembangunan ekonomi Islam di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini telah mengadaptasikan metode kualitatif untuk menganalisa data melalui kaedah induktif, deduktif, analisis kandungan, dan kaedah hermeneutik. Tujuan kaedah kualitatif ini dipilih adalah untuk mendapat kefahaman yang jitu dan mendalam berkenaan pandangan atau pengalaman seseorang mengenai suatu fenomena (Creswell, Hanson, Clark Plano, & Morales, 2007). Hal ini bermaksud kaedah ini digunakan untuk menilai karya-karya intelektual seperti buku, jurnal, dan artikel yang diterbitkan oleh tokoh-tokoh akademik serta para cendekiawan.

Pengkaji mengaplikasikan kaedah kajian dokumentari dengan tujuan untuk mendapatkan serta mengumpulkan data melalui dokumen-dokumen, kajian lepas, dan rakaman yang telah diterbitkan (Neely & Ponshumugam, 2019). Ahmed (2010) menyatakan bahawa kedah kualitatif ini sesuai untuk menilai secara ilmiah segala dokumen bertulis sama ada ianya domain awam atau peribadi.

Dalam kajian ini, pengkaji telah meneliti dan menilai dokumen daripada sumber primer, iaitu Al-Quran dan hadith. Kedua-dua sumber ini dianggap sebagai rujukan utama kerana sifatnya yang bebas daripada interpretasi peribadi, muktamad, serta berfungsi sebagai asas dan rujukan asal. Sumber sekunder pula merangkumi buku-buku fiqh tradisional dan kontemporari, jurnal, serta artikel yang berkaitan dengan tema kajian. Sebahagian besar sumber sekunder ini diperoleh daripada jurnal berindeks seperti Scopus melalui akses portal Ezproxy yang disediakan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kajian ini turut menerapkan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis semua data yang diperoleh, sama ada daripada sumber primer mahupun sekunder. Menurut Lac (2016), kaedah ini bertujuan untuk mengklasifikasi, menilai, dan mengkaji data secara sistematik dan terarah. Memandangkan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, Merriam (2014) menyatakan bahawa data dianalisis menggunakan pendekatan induktif dan komparatif. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengatur serta mengklasifikasikan data secara sistematik dan tersusun.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan wakaf bertempoh di Malaysia dan mencadangkan beberapa cadangan penyelesaian:

1. Isu Perundangan

Kekangan utama adalah ketidakseragaman undang-undang antara negeri-negeri. Hanya beberapa negeri seperti Wilayah Persekutuan, Johor, Sarawak, dan Terengganu yang telah mengiktiraf wakaf bertempoh.

Ketiadaan rangka kerja yang seragam menyukarkan pelaksanaan wakaf bertempoh di negeri-negeri lain, di mana tafsiran dan pewartaan fatwa sering kali berbeza.

2. Kekeliruan dan Kesedaran Masyarakat

Tahap pengetahuan masyarakat terhadap konsep wakaf bertempoh masih rendah. Ramai beranggapan wakaf hanya melibatkan harta kekal.

Terdapat kekeliruan antara wakaf bertempoh dan sumbangan umum, yang menghalang pewakaf daripada menggunakan mekanisme ini sebagai alternatif.

3. Pengurusan dan Pentadbiran

Institusi wakaf kekurangan sumber untuk memastikan pengurusan dan pengawasan yang sistematik.

Ketiadaan garis panduan (SOP) yang jelas untuk wakaf bertempoh menyebabkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan.

CADANGAN

Penyelarasan Perundangan: Penyelarasan di peringkat nasional diperlukan untuk memastikan panduan yang konsisten terhadap semua negeri.

Peningkatan Kesedaran: Kempen melalui media dan seminar boleh meningkatkan kefahaman masyarakat tentang manfaat wakaf bertempoh.

Pengurusan Profesional: Penggunaan teknologi untuk mengatur dan mengurus tadbir pengurusan wakaf dengan lebih cemerlang serta penglibatan syarikat korporat dalam melaksanakan wakaf bertempoh boleh memaksimumkan keberkesanan.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa wakaf bertempoh berpotensi menjadi instrumen penting dalam pembangunan ekonomi Islam di Malaysia. Walaupun menghadapi cabaran dalam aspek perundangan, kefahaman masyarakat, dan pengurusan, langkah-langkah proaktif seperti

penyelarasan undang-undang, peningkatan kesedaran masyarakat, dan pembangunan garis panduan pengurusan dapat membantu merealisasikan potensi wakaf ini.

Dengan pelaksanaan yang lebih tersusun, wakaf bertempoh bukan sahaja dapat memperluas keterlibatan masyarakat, tetapi juga menjadi mekanisme yang dinamik untuk menyokong pembangunan sosioekonomi yang selaras dengan maqasid syariah.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2017b). The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 175–1187. <https://doi.org/10.7187/gjat122017-11>
- Abdul Hamid Yunus. (1980). *Wakaf dan Peranannya Dalam Pembangunan Umat* (Koleksi al). Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Ahmed, J. U. (2010). Documentary research method: New eimensions. *Indus Journal of Management & Social Sciences*.
- Alnaief, M., Rissouni, K., Abdelgalil, R. I., & Almansoori, M. (2024). New Issues in Temporary Muslim Endowments (Waqfs). *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 16(S1), 136–152. <https://doi.org/10.55188/ijif.v16iS1.735>
- Creswell, J. W., Hanson, W. E., Clark Plano, V. L., & Morales, A. (2007). Qualitative Research Designs: Selection and Implementation. *The Counseling Psychologist*, 35(2), 236–264. <https://doi.org/10.1177/0011000006287390>
- Ichsan, W. (2018). Sumbangan Wakaf Terhadap Peradaban Islam dan Barat. *Bidayah: Studi Ilmu-Ilmu Keislaman*, 9(2), 101–112.
- Kahf, M. (1998). Financing the Development of Awqaf Property. *In Proceedings of the Seminar on Awqaf and Economic Development*, 43–76
- Lac, A. (2016). Content Analysis. *Encyclopedia of Adolescence*, 2(2016), 1–5. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-32132-5>
- Merriam, S. B. (2014). *Qualitative Reasearch: A Guide to Design and Implementation*. In Progress in Electromagnetics Research Symposium. San Francisco: Jossey-Bass.

- Muhammad Khalil, M. A. H., Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., & Ab. Rahman, A. (2020). *Memperkukuh Institusi Wakaf Di Malaysia Melalui Wakaf Bertempoh*. Inpac. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/16348>
- Neely, A., & Ponshumugam, A. (2019). A Qualitative Approach To Examining Health Care Access In Rural South Africa. *Social Science and Medicine*, 230, 214–221.